

08 DISEMBER 2020 (SELASA)



MUHAMMAD Affan Rayhan Afiri Adham dipangku Norhidawati Mat Hanafiah selepas dianugerahkan sebagai ahli Perpustakaan Awam Pahang termuda pada majlis perasmian *Book for life: Give a Book, Take a Book* Daerah Maran di Maran, Pahang semalam.

Affan Rayhan 'ulat buku' paling muda

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

MARAN: Kanak-kanak berusia 14 bulan, Muhammad Affan Rayhan Afiri Adham dianugerahkan sebagai ahli Perpustakaan Awam Pahang termuda negeri ini.

Ibu kanak-kanak berkenaan, Norhidawati Mat Hanafiah, 33, berkata, anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu sering dibawa ke Perpustakaan Awam Daerah Maran sejak berusia 40 hari.

"Saya bekerja sebagai tukang jahit di bandar Maran menjadi-

gai destinasi wajib dikunjungi bersama anak-anak bagi mendidik mereka mencintai buku.

"Sejak dulu saya menjadi ulat buku ketika belajar dan minat itu terus tidak pernah hilang walaupun sudah berkeluarga," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada majlis perasmian *Book for life: Give a Book, Take a Book* Daerah Maran di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Seri Shahani-za Shamsuddin yang juga Timbalan Pengerusi Perpustakaan

Negeri Pahang.

Yang turut hadir Pengarah Perbadanan Perpustakaan Negeri Pahang, Tengku Khairul Zahirah Tengku Kamaludin.

Dalam pada itu Shahaniza berkata, kerajaan negeri giat memperkasa program budaya membaca sebagai cara hidup rakyat.

Menurutnya, dengan menjadikan Jerman sebagai model, Perpustakaan Awam Pahang membina 'rumah buku' di beberapa lokasi strategik tumpuan orang ramai seperti di Taman Kerang dan Teluk Chempedak di Kuantan.